



Rujukan Kami : USM.JB.HB.G.8/2026

Tarikh : 22 Mei 2026

Kepada:

Pengarah Kampus/Dekan/Pengarah/Ketua Jabatan
Pusat Pengajian/Pusat/Jabatan/Unit
Kampus Induk/Kampus Kejuruteraan Tuanku Syed Sirajuddin/Kampus Kesihatan

YBhg. Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan,

Universiti Sains Malaysia
11800 USM Pulau Pinang
T: 04-653 3131 / 04-653 4288
F: 04-6588205
E: bursar@usm.my
L: www.usm.my

HEBAHAN BENDAHARI BIL. 8 TAHUN 2026
PELAKSANAAN SISTEM *ePAYCHANNEL* UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Bendahari telah membangunkan Sistem *ePayChannel* bagi menyokong operasi pengurusan Universiti dalam menguruskan bayaran kepada Pembekal Bukan Perdagangan yang mana pada masa ini Pusat Tanggungjawab (PTJ) mengeluarkan arahan secara manual kepada Jabatan Bendahari untuk memproses bayaran atau merekodkan transaksi perbelanjaan. Arahan manual tersebut dikeluarkan melalui penggunaan dokumen USM.FIS.PU.B.2023.02 (Borang Arahan Bayaran Pesanan Dalaman) dan dokumen USM.FIS.PU.B.2023.03 (Borang Arahan Bayaran).
3. Untuk makluman YBhg. Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan, sistem ini telah dilengkapi dengan 5 modul iaitu Modul Pembekal Bukan Perdagangan (*Non-Trade*), Modul Arahan Bayaran Tanpa Pesanan, Modul Pesanan Dalaman, Modul Panjar Wang Runcit dan Modul Kad Korporat.
4. Selaras dengan itu, Jabatan Bendahari telah mengadakan 5 sesi taklimat serta latihan kepada pengguna sistem di PTJ seperti berikut:

Bil.	Tarikh	Sesi Taklimat dan Latihan
1.	1 – 2 April 2026	Fasa 1 - 6 PTJ Kampus Induk di Makmal Komputer, Pusat Transformasi Digital.
2.	7 – 8 April 2026	
3.	11 – 12 Mei 2026	Fasa 2 - 140 PTJ Kampus Induk, Pusat Kanser Tun Abdullah Ahmad Badawi (PKTAAB) dan Kampus Kejuruteraan Tuanku Syed Sirajuddin di Dewan Persidangan Universiti (DPU).
4.	13 – 14 Mei 2026	
5.	18 – 19 Mei 2026	Fasa 3 - 31 PTJ Kampus Kesihatan di Dewan Kuliah 4, Pusat Pengajian Sains Perubatan.

5. Bagi memantapkan pelaksanaan Sistem *ePayChannel*, Jabatan Bendahari telah menyediakan manual pengguna, proses kerja dan video penggunaan sistem sebagai panduan PTJ yang boleh diakses melalui laman sesawang Jabatan Bendahari (<https://bursary.usm.my>). Semua bahan rujukan ini boleh diakses mulai **1 Jun 2026**.
6. Sehubungan dengan itu, adalah dimaklumkan bahawa Sistem *ePayChannel* ini akan mula digunakan di semua PTJ **berkuat kuasa mulai 1 Jun 2026**. Dengan berkuat kuasanya penggunaan sistem ini, maka Borang Arahan Bayaran USM.FIS.PU.B.2023.02 dan USM.FIS.PU.B.2023.03 tidak lagi boleh digunakan.



HEBAHAN BENDAHARI BIL. 8 TAHUN 2026
PELAKSANAAN SISTEM *ePAYCHANNEL* UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

7. Selain itu, PTJ adalah diminta untuk mengambil tindakan berkaitan pengurusan Panjar Wang Runcit (PWR) di PTJ bagi membolehkan persediaan pengemaskinian profil PWR dibuat. Tindakan yang perlu diambil adalah seperti berikut:


- (a) Mengemukakan **Sijil Perakuan Panjar Wang Runcit (borang JB/2/BR/5003), buku dan baki PWR** kepada Jabatan Bendahari mengikut kampus selewat-lewatnya pada **31 Mei 2026 (Ahad)**;
- (b) Ketua PTJ perlu memastikan **pemeriksaan mengejut PWR** dilaksanakan dan maklumat pemeriksaan dikemas kini sewajarnya (jika belum dilaksanakan); dan
- (c) Ketua PTJ perlu menghantar **sesalinan Senarai Semak Pemeriksaan Mengejut dan Daftar Pemeriksaan Mengejut** kepada Jabatan Bendahari dan menyimpan dokumen asal di PTJ.

8. Bersama-sama ini disertakan infografik pelaksanaan Sistem *ePayChannel* di USM mulai **1 Jun 2026** untuk makluman YBhg. Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan. Kerjasama dan keprihatinan YBhg. Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan dalam menyokong pelaksanaan Sistem *ePayChannel* di USM dan memanjangkan hebahan ini kepada semua staf di bawah seliaan adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DR. RAFIZAL ABD RAHIM)
Bendahari

s.k. Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor
Bahagian Akademik & Antarabangsa

Timbalan Naib Canselor
Bahagian Penyelidikan & Inovasi

Timbalan Naib Canselor
Bahagian Hal Ehwal Pembangunan Pelajar & Alumni

Timbalan Naib Canselor
Bahagian Jaringan Industri & Masyarakat

Ketua Cawangan
Jabatan Bendahari, Kampus Kesihatan

Ketua Penolong Bendahari
Jabatan Bendahari, Kampus Kejuruteraan Tuanku Syed Sirajuddin

Timbalan Bendahari
Seksyen Kewangan, Pusat Kanser Tun Abdullah Ahmad Badawi

Transformasi Digital: Pelaksanaan ePAYCHANNEL

Peralihan menyeluruh dari arahan bayaran manual kepada transaksi digital yang lebih efisien bermula 1 Jun 2026

FOKUS PELAKSANAAN & MANFAAT



Berkuatkuasa Sepenuhnya: 1 Jun 2026



4 Nilai Tambah Utama



Keselamatan Data

Menawarkan keselamatan data.



Penjimatan Masa

Menjimatkan masa operasi.



Ketepatan Maklumat

Meningkatkan ketepatan maklumat.



Kawalan Bajet Automatik

Kawalan bajet automatik.

5 Modul Utama



Vendor Non-Trade



Arahan Bayaran Tanpa Pesanan



Pesanan Dalaman



Panjar Wang Runcit (PWR)



Kad Korporat



TANGGUNGJAWAB PTJ & SOKONGAN



Tindakan Utama PTJ



Memastikan ketepatan transaksi.



Kesahihan data.



Pematuhan tatacara mengikut manual pengguna.



Penutupan PWR pada 31 Mei 2026

PTJ wajib mengemukakan Sijil, Buku, dan baki tunai PWR ke Jabatan Bendahari.



Bantuan Operasi (Team ePC)



Bantuan Teknikal (Team FIS)

Tersedia untuk pengguna

CONTOH KATEGORI TRANSAKSI DI BAWAH ePC



Kerajaan & IPTA
Duti setem, Cukai, Denda, Agensi Kerajaan



Utiliti & Fasilitas
TNB/PBA/IWK, Solar, Rawatan Dialisis



Individu & Profesional
Honorarium, Elaun mesyuarat, Fi pelesenan